

'Mereka beri nama buruk kepada kerajaan'

Mahathir bidas pegawai pukul 8 hingga 4...

KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas setengah pegawai kerajaan disifatkannya terdiri dari orang 'pukul 8.00 hingga 4.00'.

Menurutnya, mereka ini memberi nama buruk kepada kerajaan dan imej negara serta menggagalkan segala rancangan kerajaan.

Beliau berucap merasmikan Pusat Penyelarasan Khidmat Kontraktor-Kontraktor Bumiputera (PUSAKABUMI) di Bukit Bintang Plaza, di sini.

"Saya panggil mereka pegawai '8.00 hingga 4.00' walaupun sebenarnya pegawai ini datang lewat dari pukul 8.00 pagi dan meninggalkan pejabat awal dari pukul 4.00 petang," jelas Datuk Seri Dr. Mahathir.

Menurutnya, pegawai seperti itu bekerja kerana gaji dan mereka yang bekerja kerana gaji akan bekerja seberapa kurang yang boleh untuk tidak dikenakan tindakan disiplin saja.

Jelasnya lagi, pegawai seperti itu biasanya sombong dan tidak suka melayan orang ramai. Jika ada sesiapa yang datang untuk berjumpa, mereka mengambil masa sepanjang-pan-

jangnya untuk menghabiskan apa juga kerja yang mereka buat tanpa mengira orang yang datang itu mempunyai tugas dan kesempatan masa.

"Pegawai semacam ini ada, tidak guna mereka berasa marah dan tidak guna pegawai lain marah atas tegoran saya ini," jelas beliau.

Katanya, pegawai serupa itu memberi nama buruk kepada kerajaan dan imej negara.

"Mereka jugalah yang menggagalkan segala rancangan kerajaan," tambah Datuk Seri Dr. Mahathir.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata ada pegawai cekap dan berdedikasi. Mereka ialah yang menanggung beban.

Jelasnya lagi, pegawai yang berdedikasi ini ramai juga dan kerana mereka, kerajaan dapat bergerak dan memenuhi separuh dari harapan rakyat.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia